

Perpustakaan SKTM

**ANALISIS SUARA:
REKABENTUK PENJANA KOD UNIK**

ASLIZAWANI BINTI ALI

WEK 000327

Dibawah seliaan:

ENCIK ZAIDI BIN RAZAK

Perpustakaan Universiti Malaya



A511275060

ABSTRAK

Satu projek dibangunkan bagi menghasilkan satu kod unik yang boleh menganalisis suara manusia sebagai input. Dengan kata lain kod unik ini boleh membaca suara manusia sebagai input bagi menggantikan kod-kod arahan yang biasanya ditulis dalam bahasa pengaturcaraan tertentu.

Sampel suara direkodkan dan disimpan dengan extension " *.wav " yang merupakan sejenis fail wave. Satu aturcara menggunakan Matlab di tulis untuk membaca data audio dalam sampel yang dibentuk. Kemudian data di analisis menggunakan Fast Fourier Transformation bagi mendapatkan spektrum frekuensi bagi data tersebut.

Data dalam bentuk spektrum frekuensi ini seterusnya akan melalui proses penyahkomposision dan proses-proses kelulusan dalam wavelet bagi mendapatkan keluaran akhir proses. Berdasarkan keluaran akhir proses wavelet, data yang diperolehi akan di analisis. Hasil keluaran akhir inilah mempakan sumber utama untuk menghasilkan kod unik.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan ke hadrat Ilahi di atas kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Ir. Dato' Dr. Maskhuri bin Hj Yaacob selaku moderator dan juga buat Encik Zaidi bin Razak selaku penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta nasihat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan telah banyak memberi saya panduan dalam usaha menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah yang telah banyak membimbing saya hingga ke tahap ini.

Ucapan jutaan terima kasih kepada ibu bapa serta keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan galakkan untuk saya terus berusaha biar pun jauh di mata. Sesungguhnya tanpa doa dan restu mereka, saya tidak akan sampai ke tahap ini.

Buat rakan-rakan seperjuangan di fakulti mahupun di kolej, terima kasih di atas segala nasihat dan sokongan yang kalian berikan. Walaupun berbeza bidang pengajian namun persahabatan yang terjalin tetap menjadikan kita saling memerlu.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|---------------------------------|------|
| Abstrak | i |
| Penghargaan | ii |
| Isi kandungan | iii |
| Senarai Jadual | vii |
| Senarai Rajah | viii |
| | |
| Bab 1 : Pengenalan | |
| 1.1 Pengenalan Projek | 1 |
| 1.2 Objektif Projek | 3 |
| 1.3 Skop Projek | 4 |
| 1.4 Spesifikasi Projek | 6 |
| 1.5 Perancangan Projek | 7 |
| 1.6 Penjadualan Projek | 10 |
| 1.7 Ringkasan | 12 |
| | |
| Bab 2 : Kajian Literasi | |
| 2.1 Pengenalan | 13 |
| 2.2 Kajian Keatas Suara Manusia | 14 |

| | |
|--|----|
| 2.2.1 Pengecaman Suara | 15 |
| 2.2.2 Spesifikasi dalam Voice Recognition | 16 |
| 2.2.3 Bagaimana Pengecaman Suara Dilakukan | 17 |
| | |
| 2.3 Kajian Format Fail | 20 |
| 2.3.1 Jenis Format Fail | 21 |
| 2.2.1.1 MP3Layer3 | |
| 2.2.1.2 Audio Interchange File Format | |
| 2.2.1.3 Advanced System Format | |
| 2.2.1.4 Wave | |
| 2.2.1.5 Musical Instrument Digital Interface | |
| 2.3.2 Perbandingan | 36 |
| 2.3.3 Kesimpulan | 37 |
| 2.3.4 Faktor Pemilihan | 42 |
| | |
| 2.4 Kajian Ke Atas Teknik dan Peralatan Yang Digunakan | 44 |
| 2.4.1 Wavelet | 44 |
| 2.4.1.1 Penukarganti Diskrit Wavelet | |
| 2.4.1.2 Algoritma Piramid | |
| 2.4.1.3 Fungsi Kelulusan | |
| 2.4.2 Matlab | 49 |
| 2.4.3 Fast Fourier Transform | 50 |

Bab 3 : Perlaksanaan Rekabentuk

| | | |
|-----|--------------------------|----|
| 3.1 | Pembentukan Fail Data | 52 |
| 3.2 | Membaca Fail Data | 55 |
| 3.3 | Proses Penyahkomposisian | 61 |
| 3.4 | Pembinaan Semula | 64 |
| 3.5 | Penghasilan Nilai Unik | 66 |
| 3.6 | Ringkasan | 67 |

Bab 4 : Analisis

| | | |
|-------|-------------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 68 |
| 4.2 | Analisis Ke Atas Nilai (x) | 69 |
| 4.2.1 | Kumpulan Sampel 1 | 70 |
| 4.2.2 | Kumpulan Sampel 2 | 72 |
| 4.2.3 | Kumpulan Sampel 3 | 74 |
| 4.2.4 | Perbandingan Antara Kumpulan Sampel | 76 |
| 4.2.5 | Kesimpulan Daripada Analisis | 78 |
| 4.3 | Ringkasan | 80 |

Bab 5 : Perbincangan

| | |
|------------------------------------|----|
| 5.1 Faktor Yang memungkinkan Ralat | 81 |
| 5.2 Perkembangan | 84 |
| 5.3 Ringkasan | 86 |
| Rujukan | 87 |
| Lampiran | |

SENARAI RAJAH

| BIL | NOMBOR RUJUKAN | KETERANGAN | MUKA SURAT |
|-----|-------------------|--|---------------|
| 1 | 1.1 | Carta Gantt bagi aktiviti projek | 11 |
| 2 | 2.1 | Binaan asas bagi voice recognition | 16 |
| 3 | 2.2 | Gambarajah pengepala (header) bagi fail MP3 | 23 |
| 4 | 2.3 | Binaan asas chunk | 26 |
| 5 | 2.4 | Struktur chunk dalam fail AIFF | 27 |
| 6 | 2.5 | Gambarajah format bagi fail ASF | 29 |
| 7 | 2.6 | Gambarajah format bagi objek data dalam fail | 30 |
| 8 | 2.7 | format Chunk Pengepala bagi fail MIDI | 32 |
| 9 | 2.8 | format chunk track bagi fail MIDI | 35 |
| 10 | 2.9 | struktur chunk dalam fail Wave | 38 |
| 11 | 2.10 | Gambaran terperinci struktur chunk dalam fail Wave | 40 |
| 12 | 2.11 | Algoritma piramid | 47 |
| 13 | 2.12 | Fungsi kelulusan rendah | 48 |
| 14 | 2.13 | Fungsi kelulusan tinggi | 48 |
| 15 | 3.1 | Penukaran fail dari perakam suara MP3 kepada bentuk wav | 52 |
| 16 | 3.2 | Paparan output dari <i>header</i> fail | 57 |
| 17 | 3.3 | Isyarat yang terbentuk daripada suara yang telah direkodkan | 58 |
| 18 | 3.4 | Spektrum frekuensi yang terbentuk | 58 |
| 19 | 3.5 | graf bagi nilai spektrum frekuensi | 60 |
| 20 | 3.6 | proses penyahkomposision dan pembinaan semula dalam wavelet. | 66 |
| 21 | 4.1 | Perbandingan purata nilai (x) bagi setiap sampel dalam kumpulan 1 dengan fail ‘open’ | 71 |

| BIL | NOMBOR RUJUKAN | KETERANGAN | MUKA SURAT |
|-----|-------------------|---|---------------|
| 22 | 4.2 | Peratusan Ralat yang wujud dalam setiap sampel kumpulan satu. | 71 |
| 23 | 4.3 | Perbandingan purata nilai (x) bagi setiap sampel dalam kumpulan 2 dengan fail ‘open’ | 73 |
| 24 | 4.4 | Peratusan Ralat yang wujud dalam setiap sampel kumpulan 2 | 73 |
| 25 | 4.5 | Perbandingan purata nilai (x) bagi setiap sampel dalam kumpulan 3 dengan fail ‘open’ | 75 |
| 26 | 4.6 | Peratusan Ralat yang wujud dalam setiap sampel kumpulan 3 | 75 |
| 27 | 4.7 | Peratusan Ralat yang wujud dalam ketiga-tiga kumpulan sampel | 76 |
| 28 | 4.8 | Perbandingan purata nilai (x) bagi ketiga tiga kumpulan sampel | 77 |
| 29 | 5.1 | Perbandingan purata nilai (s) dan (s_{rec}) bagi setiap sampel dalam kumpulan satu. | 82 |
| 30 | 5.2 | Peratusan Ralat yang wujud dalam kumpulan Sampel 1 | 83 |

SENARAI JADUAL

| BIL | NOMBOR RUJUKAN | KETERANGAN | MUKA SURAT |
|-----|-------------------|--|---------------|
| 1 | 1.1 | Perancangan awal proses pembangunan | 9 |
| 2 | 1.2 | Penjadualan aktiviti pembangunan projek | 10 |
| 3 | 2.1 | Penerangan mengenai pengepala fail MP3 | 23 |
| 4 | 2.2 | Penerangan mengenai struktur chunk dalam fail AIFF | 27 |
| 5 | 2.3 | Penerangan mengenai struktur chunk pengepala dalam fail MIDI | 33 |
| 6 | 2.4 | Penerangan mengenai chunk track | 35 |
| 7 | 2.5 | Perbandingan antara beberapa jenis format fail | 36 |
| 8 | 2.6 | Penerangan struktur chunk dalam fail wave | 41 |
| 9 | 3.1 | Maklumat dari header fail data | 55 |
| 10 | 4.1 | Purata nilai unik bagi setiap sampel kumpulan 1 serta ralat yang wujud | 70 |
| 11 | 4.2 | Purata nilai unik bagi setiap sampel kumpulan 2 serta ralat yang wujud | 72 |
| 12 | 4.3 | Purata nilai unik bagi setiap sampel kumpulan 3 serta ralat yang wujud | 74 |
| 13 | 4.4 | purata ralat bagi ketiga tiga kumpulan sampel | 76 |
| 14 | 5.1 | Perbezaan antara nilai s dan s_rec dalam sampel kumpulan satu serta purata nilai ralat yang muncul | 81 |

Bab 1

Pengenalan

1.1 PENGENALAN PROJEK

Dunia pada hari ini tidak lagi seperti dulu. Kemunculan pelbagai teknologi canggih bukan lagi satu perkara asing bagi penduduk dunia. Perkembangan teknologi hari ini walaupun ada baik dan buruknya, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa ianya banyak memberi kemudahan kepada kita dalam menjalankan kegiatan sehari-hari.

Kemunculan Internet telah mewujudkan jaringan maklumat yang meluas manakala teknologi ICT pula membawa dunia kepada era globalisasi di mana manusia boleh berkomunikasi tanpa mengira sempadan. Melihat kepada perkembangan teknologi pada hari ini tidak mustahil suatu hari nanti semua aktiviti manusia digantikan oleh mesin-mesin yang dicipta khusus untuk tujuan tersebut. Cuba bayangkan andainya kita tidak perlu lagi menggunakan kunci rumah untuk membuka pintu tetapi sebaliknya hanya dengan mengucapkan perkataan seperti “open” dan pintu akan terus terbuka.

Projek ini antara lainnya cuba melakukan kajian dan penyelidikan untuk menjadikan senario tersebut sebagai satu realiti. Secara keseluruhannya projek ini cuba mencari keunikan pada suara individu untuk menghasilkan satu algoritma yang boleh membaca dan menganalisis suara manusia sebagai satu arahan menggantikan kod-kod arahan yang biasanya ditulis dalam bahasa pengaturcaraan tertentu.

Apa yang dilakukan adalah dengan merekodkan suara sebagai satu sampel data audio. Sampel data ini di analisis untuk medapatkan data yang lebih terperinci terutamanya amplitud dan frekuensinya. Data-data yang diperolehi diprogramkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan yang bersesuaian. Sila rujuk lampiran A untuk gambaran yang lebih jelas mengenai teknologi ini.

1.2 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini telah menggariskan beberapa objektif penting yang perlu di capai bagi memastikan kejayaannya. Antara objektif tersebut termasuklah :

- 1.2.1 Membentuk algoritma yang boleh membaca dan menganalisis data audio
- 1.2.2 Menggantikan kod-kod arahan dengan suara manusia
- 1.2.3 Mewujudkan persekitaran kehidupan yang elektronik sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.

1.3 SKOP PROJEK

1.3.1 Pembentukkan kod unik

Matlamat utama projek ini adalah untuk menghasilkan suatu kod unik yang boleh menggantikan kod arahan dengan suara manusia. Jadi apa yang penting adalah mendapatkan data-data yang unik mengenai suara individu yang membezakan suara seseorang individu dengan individu yang lain. Kajian terperinci perlu dilakukan untuk mendapatkan data data yang tepat.

1.3.2 Penggunaan suara sebagai data audio

Data audio terdiri daripada pelbagai jenis sama ada musik, lagu dan sebagainya. Apa yang ditekankan dalam projek ini adalah data audio yang digunakan adalah suara manusia. Suara seseorang individu akan direkod dan di analisis untuk mendapat data yang lebih terperinci.

1.3.3 *Speaker Dependent*

Kajian atau kod yang bakal dihasilkan adalah berkonsepkan Speaker Dependent iaitu pengecaman suara individu tertentu sahaja. Maka

satu kaedah diperlukan untuk memastikan sistem dapat mengecam suara individu tersebut

1.3.4 *Text Independent*

Individu terbabit bebas menyebut apa sahaja perkataan.

1.4 SPESIFIKASI PROJEK

Spesifikasi projek adalah salah satu langkah yang di ambil untuk mengenal pasti segala peralatan atau perkakasan dan juga perisian yang digunakan untuk menjayakan projek. Selain daripada keperluan asas seperti komputer peribadi, pencetak, sistem pengendalian dan sebagainya, antara perkakasan dan perisian lain yang digunakan dalam projek ini adalah seperti berikut :

1.4.1 Perkakasan

- Perakam suara MP3

1.4.2 Perisian

- MatLab
- M-Pack 1
- Microsoft Visual C++

1.5 PERANCANGAN PROJEK

Bagi memastikan projek berjalan dengan lancar, perancangan awal adalah penting. Perancangan awal yang baik mampu memberi sedikit sebanyak gambaran kepada pembangun projek tentang perjalanan keseluruhan projek untuk memastikan gerak kerja tidak tertangguh. Jadual 1.1 menunjukkan perancangan awal mengenai gerak kerja projek secara keseluruhannya.

| FASA | GERAK KERJA |
|--------------------|---|
| Perancangan projek | <ul style="list-style-type: none">▪ Membuat kajian terhadap tajuk projek yang dipilih.▪ Membuat sedikit sebanyak perancangan mengenai projek yang akan dijalankan .▪ Mengenalpasti fungsi-fungsi serta data-data penting yang perlu dikumpulkan.▪ Mengkaji perkasan dan perisian yang bersesuaian untuk digunakan. |
| Analisa | <ul style="list-style-type: none">▪ Mula membuat kajian untuk mengumpulkan data data yang diperlukan▪ Membuat analisa mengenai format-format fail |

| | |
|------------|--|
| | <p>bagi penyimpanan audio.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengkaji keunikkan dalam suara manusia ▪ Membuat analisa mengenai amplitud dan frekuensi dalam bunyi ▪ Mengenalpasti kaedah-kaedah untuk memproses dan menganalisis audio data. ▪ Mengkaji bagaimana suara manusia boleh direkodkan sebagai audio data. ▪ Mendapatkan contoh-contoh pengaturcaraan bunyi bagi mengenal pasti bahasa pengaturcaraan yang sesuai. ▪ Mengkaji platform yang bersesuaian |
| Rekabentuk | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengumpulkan data – data yang diperolehi dari fasa analisis. ▪ Menentukan format fail yang akan digunakan ▪ Menentukan bahasa pengaturcaraan dan platform yang akan digunakan. ▪ Menghuraikan fungsi algoritma yang dibentuk dalam bentuk gambarajah |

| | |
|--------------|---|
| implimentasi | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memulakan proses menghasilkan algoritma dengan merekodkan suara dan menyimpan data mengikut format yang dipilih. ▪ Memulakan proses menulis aturcara pada platform yang telah dipilih. |
| Pengujian | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menguji keberkesanan aturcara yang telah ditulis ▪ Mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam aturcara yang ditulis ▪ Memperbaiki segala kelemahan yang timbul dalam aturcara |
| Dokumentasi | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Proses merekodkan segala data-data dan maklumat dari peringkat awal proses pembangunan projek hingga ke proses pengujian. |


Jadual 1.1 : Perancangan awal proses pembangunan projek

1.6 PENJADUALAN PROJEK

Penjadualan projek juga merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan projek yang tidak boleh dianggap remeh. Penjadualan amat penting bagi memastikan projek dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan. Jadual 1.2 dan rajah 1.1 menunjukkan penjadualan bagi keseluruhan aktiviti projek.

| Task Name | Duration | Start | Finish |
|--------------------|----------|--------------|--------------|
| perancangan projek | 23 days | Thu 03-07-03 | Mon 04-08-03 |
| analisa | 36 days | Wed 06-08-03 | Wed 24-09-03 |
| rekabentuk | 27 days | Fri 26-09-03 | Mon 03-11-03 |
| implementasi | 43 days | Wed 05-11-03 | Fri 02-01-04 |
| pengujian | 29 days | Tue 06-01-04 | Fri 13-02-04 |
| dokumentasi | 162 days | Thu 03-07-03 | Fri 13-02-04 |

Jadual 1.2 : Penjadualan aktiviti pembangunan projek



Rajah 1.1 : Carta Gantt bagi aktiviti projek

1.7 RINGKASAN

Secara keseluruhannya bab ini memberi gambaran menyeluruh mengenai projek serta gerak kerja yang akan dijalankan dalam proses pembangunan projek ini. Segala perancangan dan juga fasa-fasa yang terdapat dalam projek dinyatakan secara ringkas .Apa yang lebih penting adalah matlamat atau objektif utama projek ini dijalankan.

Dengan adanya perancangan seumpama ini, segala gerak kerja atau aktiviti projek yang bakal menyusur akan dapat dijalankan dengan lebih sistematik. Segala huraian terperinci mengenai setiap gerak kerja projek akan dinyatakan dengan lebih mendalam dalam bab-bab seterusnya.

Bab 2

Kajian Literasi

2.1 PENGENALAN

Kajian literasi merupakan bahagian yang penting dalam proses pembangunan projek di mana pada peringkat ini segala maklumat dan keperluan projek dikenalpasti. Kajian yang dilakukan adalah secara menyeluruh dan mengambil kira semua aspek yang berkaitan.

Tujuan utama kajian literasi dijalankan adalah untuk mendapatkan segala maklumat yang diperlukan untuk membangunkan projek. Di samping itu, segala ketidakpastian yang timbul mengenai maklumat yang telah diperolehi di kaji untuk mendapatkan kesahihanya. Ini adalah penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat.

Selain itu kajian literasi dijalankan untuk mengkaji dan membuat penilaian awal terhadap projek yang bakal dibangunkan. Ini sedikit sebanyak dapat memberi gambaran awal serta membantu memberi pemahaman yang lebih jelas terhadap projek tersebut.

Antara lainnya kajian literasi untuk projek ini merangkumi kajian terhadap jenis-jenis fail bagi muzik, format data yang digunakan oleh setiap jenis fail serta kajian ke atas keunikan pada suara manusia yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikutnya.

2.2 KAJIAN KE ATAS SUARA MANUSIA

Setiap individu mempunyai suara yang berbeza daripada individu yang lain. Secara amnya suara manusia dibezakan oleh faktor-faktor seperti[6]:

- a) Jantina sama ada lelaki atau perempuan
- b) Umur sama ada dewasa atau kanak-kanak
- c) Loghat percakapan mengikut kawasan tempat tinggal.

Namun begitu, masih terdapat faktor-faktor lain yang membezakan suara manusia yang tidak dapat dilihat dengan jelas. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk mengkaji suara manusia dari segi fizikalnya dengan lebih mendalam lagi. Antara objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini termasuklah :

- a) Mengesan keunikkan dalam suara manusia contohnya mungkin dari segi frekuensi ataupun amplitud
- b) Mengenal pasti kaedah bagi menganalisis suara manusia


Di samping itu kajian ini juga turut merangkumi kaedah-kaedah untuk merekodkan suara manusia.

2.2.1 Pengecaman suara (*voice recognition*)

Pengecaman suara adalah satu teknologi baru di mana bunyi, perkataan atau pernyataan yang di sebut oleh manusia ditukarkan kepada isyarat elektrik. Isyarat ini kemudiannya ditukarkan ke dalam bentuk atau corak pengkodan yang telah dikenalpasti. Secara lebih jelas lagi teknologi ini cuba menjadikan suara manusia sebagai input bagi menggantikan kod-kod arahan yang biasanya digunakan dalam sesebuah sistem berkomputer.

Fokus diberikan kepada suara manusia kerana kita seringkali menggunakan suara untuk berkomunikasi. Walau bagaimanapun penggunaan suara manusia menjadi sukar kerana setiap manusia mempunyai percakapan yang berbeza-beza. Adakalanya pecakapan bergantung kepada persekitaran serta emosi setiap individu. Ini menyebabkan ciri-ciri atau keunikan suara sesorang individu itu sukar dikenalpasti.

Sebaliknya program komputer biasanya direkabentuk untuk memberikan tindak balas bergantung kepada input yang betul-betul tepat. Oleh yang demikian hasil yang tepat daripada proses analisis ke atas suara adalah sangat penting. Rajah dibawah menunjukkan binaan asas bagi pengecaman suara [39].



Rajah 2.1 Binaan asas bagi voice recognition

2.2.2 Spesifikasi dalam *voice recognition*

2.2.2.1 Arahan Vs. Tulisan

Sama ada perkataan yang disebut berupa arahan atau untuk dipaparkan pada skrin

2.2.2.2 Continuous Vs. Discrete Speech [37]

Sebutan seperti percakapan harian (ayat) atau perkataan (satu perkataan atau banyak perkataan yang di sebut satu persatu)

2.2.2.3 Speaker Dependent Vs. Speaker Independent

Khusus bagi individu tertentu sahaja atau tidak mengkhusus kepada mana-mana individu [35,36,37]

2.2.2.4 System Verification Vs. System Identification

Merujuk kepada cara bagaimana pengecaman suara individu itu dilakukan . Khusus kepada *Speaker Dependent* atau juga dikenali sebagai *Speaker Recognition* [35,38]

2.2.2.5 Text Dependent Vs. Text Independent

Khusus bagi perkataan tertentu sahaja ataupun pengguna bebas menyebut sebarang perkataan. [35,36,38]

2.2.3 Bagaimana pengecaman suara dilakukan.

Terdapat banyak pendekatan yang boleh digunakan untuk mengimplementasikan pengecaman suara. Pendekatan yang paling biasa digunakan adalah dengan membahagikan proses kepada dua bahagian utama seperti berikut [3] :

a) Analisis ciri-ciri (*feature analysis*)

Memandangkan setiap orang mempunyai corak percakapan berbeza, sistem perlu terlebih dahulu mempelajari corak percakapan dan mengenalpasti ciri ciri yang unik dalam suara individu tersebut. Melalui kaedah ini, sistem akan mempamerkan beberapa perkataan yang perlu di sebut oleh pengguna. Pada masa yang sama sistem cuba mendapatkan nilai purata bagi setiap sampel yang di sebut oleh pengguna dan membentuk satu template yang mengandungi corak percakapan individu tersebut.

Walau bagaimanapun cara ini terhad oleh beberapa perkataan yang di sebut oleh pengguna semasa sesi pembelajaran oleh sistem sahaja. Selain itu, ia juga terhad kepada pengguna yang telah pun menjalani sesi pembelajaran tersebut.

Satu lagi kaedah yang lebih berkesan bagi mendapatkan corak input yang sama atau hampir sama dengan corak atau bentuk yang telah dikenalpasti oleh program komputer ialah dengan melakukan satu analisis menggunakan pendekatan-pendekatan tertentu. Dua pendekatan yang biasa digunakan adalah *Fourier Transforms* dan juga *Linear Predictive Coding*. Pendekatan ini digunakan untuk

mengenalpasti ciri-ciri unik dan mengesan persamaan antara input dan juga data suara sebenar .

b) Pemadanan corak atau bentuk (*pattern matching*)

Pemadanan corak merupakan proses mengenalpasti input suara yang dikeluarkan oleh program dengan membandingkannya dengan template atau corak yang sudah difahami oleh program komputer.

2.3 KAJIAN FORMAT FAIL

Kajian yang pertama ini merupakan kajian keatas fail-fail muzik. Antara maklumat yang perlu dikenalpasti atau objektif bagi kajian ini termasuklah :

- a) Mengenalpasti fail-fail muzik yang ada
- b) Mendapatkan format atau cara penyimpanan data bagi setiap jenis fail
- c) Memilih format fail yang bersesuaian.

Langkah pertama dalam menjalankan kajian adalah mengenal pasti jenis-jenis fail muzik yang ada seperti Musical Instrument Digital Interface (MIDI), Moving Picture Expert Group (M-PEG), Advanced System Format (ASF) dan sebagainya. Kajian yang lebih mendalam dilakukan ke atas setiap fail bagi mengenal pasti struktur atau format data yang disimpan. Maklumat yang dikaji termasuklah :

- a) Jenis data sama ada boleh *di compress* atau tidak
- b) Jenis sistem pengendalian yang menyokong
- c) Jemis channel yang digunakan
- d) Saiz bagi data
- e) Jenis *extension* bagi setiap fail
- f) Kelajuan bagi setiap jenis fail
- g) Saiz fail

h) Bilangan bit per sample

i) Kadar persampelan

Seterusnya kelebihan dan kekurangan setiap jenis fail di kenal pasti. Maklumat-maklumat ini kemudian dikumpul dan di analisa bagi menentukan jenis fail yang paling sesuai dan berkualiti untuk digunakan dalam projek ini.

Kajian ini juga secara tidak langsung cuba mengenal pasti langkah-langkah untuk menghasilkan setiap jenis fail serta ciri-ciri lain yang membezakan satu jenis fail dari fail yang lain.

2.3.1 Jenis format fail

Untuk mendapatkan format fail yang paling sesuai untuk digunakan dalam projek ini kajian dibuat ke atas beberapa jenis format yang ada.

2.3.1.1 MPEG Layer 3 (MP3)

MPEG merupakan singkatan bagi *Moving Picture Expert Group*.^[1,10,11,12,13,14,15] Jenis fail ini menjadi semakin popular dewasa sini memandangkan saiz failnya yang lebih kecil kerana ciri-ciri pemadata (*compression*) yang tinggi. Fail ini dikatakan mampu menyimpan data audio

selama 30 minit dalam fail sebesar 4MB pada kadar 16kbps [17]. Fail ini mempunyai extension “ *.mp3 ” bagi setiap nama fail.

Struktur fail MP3 terdiri daripada blok-blok kecil yang dipanggil *frames*. Setiap *frames* terdiri daripada pengepala frame (*frames header*) dan diikuti oleh data audio. Terdapat dua jenis format utama bagi fail MP3 iaitu kadar bit yang tetap (*constant bitrate - CBR*) dan kadar bit yang berubah-ubah (*variable bitrate - VBR*). Bagi format CBR kadar bit bagi semua *frame* adalah sama kecuali pada bahagian audio data. Sebaliknya bagi format VBR, nilai ini boleh berbeza dari satu *frame* ke *frame* yang lain.

VBR menjadikan saiz fail lebih kecil kerana ia mengurangkan ruang untuk nada yang rendah dan memperuntukkan ruang yang lebih untuk nada yang lebih tinggi. Strukturnya sama seperti CBR tetapi *frame* pertamanya tidak mempunyai data audio.[11]

| | | | | | | | |
|---------------------|---|---|---|---|---|---|---|
| A | A | A | A | A | A | A | A |
| <i>Byte pertama</i> | | | | | | | |
| A | A | A | B | B | C | C | D |
| <i>Byte kedua</i> | | | | | | | |
| E | E | E | E | F | F | G | H |
| <i>Byte ketiga</i> | | | | | | | |
| I | I | J | J | K | L | M | M |
| <i>Byte keempat</i> | | | | | | | |

Rajah 2.2 : Gambarajah pengepala (*header*) bagi fail MP3

Penerangan lanjut mengenai pengepala fail MP3 ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut :

| Simbol | Keterangan |
|--------|---|
| A | <ul style="list-style-type: none"> - bit-bit ini bertindak sebagai penyelaras frame - kesemua bit disetkan kepada “1” - sebagai tanda permulaan bagi frame |
| B | <ul style="list-style-type: none"> - ID bagi versi MPEG - 00 bagi MPEG versi 2.5 - 10 bagi MPEG versi 2 - 11 bagi MPEG versi 1 - 01 bagi bit simpanan - nilai biasa bagi fail MP3 adalah “11” |
| C | <ul style="list-style-type: none"> - lapisan MPEG yang digunakan - 00 adalah bit simpanan - 01 bagi lapisan III - 10 bagi lapisan II - 11 bagi lapisan I |

-
- dalam kebanyakan fail MP3 nilai ini adalah "01"
-

- D
- perlindungan oleh CRC iaitu sejenis mekanisme pemeriksaan sepanjang 16 bit yang diletakkan di antara pengkepala dan data audio.
 - 0 bagi frame yang dilindungi oleh mekanisme ini
 - 1 bagi yang tidak mempunyai mekanisme CRC
 - kebanyakkan fail MP3 tidak mempunyai mekanisme ini.
-

- E
- mewakili kadar bit bagi setiap frame.
 - Kadar bit ini mungkin sama bagi setiap frame atau sebaliknya.
 - Mempunyai perwakilan binari tertentu seperti nilai binari 0001 mewakili kadar bit 32 kbps.
-

- F
- frekuensi bagi kadar persampelan
 - 00 mewakili 44100 Hz
 - 01 mewakili 48000 Hz
 - 10 mewakili 32000 Hz
 - 11 adalah bit simpanan
 - bagi kebanyakkan fail MP3 frekuensi kadar persampelan adalah 44100 Hz.
-

- G
- *padding*
 - digunakan sebagai lapisan tambahan bagi menjadikan kadar aliran data adalah lebih tepat.
 - 0 bagi *frame* yang mempunyai *padding*
 - 1 bagi sebaliknya
-

- H
- bit *private*
 - bit ini digunaan untuk keperluan yang spesifik contohnya bagi melaksanakan aplikasi bagi *event* tertentu.
-

I - pemilihan *channel* sama ada stereo, mono, dual ataupun joint stereo yang masing-masing mempunyai perwakilan binari tertentu.

J - mewakili mod penyambungan (*extension mode*) bagi *frame* yang menggunakan channel joint stereo sahaja.

K - Hakcipta
- 0 bagi fail yang tidak dilindungi oleh hakcipta
- 1 bagi fail yang dilindungi

L - original
- 0 mewakili fail yang merupakan salinan bagi media asal
- 1 mewakili media asal


M - kenalpasti sama ada terdapat frekuensi yang dimampatkan melebihi cca 3.2 kHz

Jadual 2.1 : Penerangan mengenai pengepala fail MP3

2.3.1.2 Audio Interchange Fail Format (AIFF)

AIFF merupakan jenis fail yang biasa digunakan dalam sistem pengoperasian Macintosh dan mempunyai extension “*.aif”. Fail ini digunakan untuk menyimpan data audio dengan pelbagai jenis channel.[1,5,16,18,19,23]

Struktur binaan fail ini adalah dalam bentuk “chunk” di mana bahagian-bahagian data tertentu dipecahkan mengikut struktur yang dikenali sebagai “chunk”. Binaan asas chunk adalah seperti berikut [19,23]:



Rajah 2.3 : Binaan asas chunk

Binaan chunk ini terdiri daripada chunk utama iaitu FORM AIFF dan juga local chunk. Local chunk terdiri daripada pelbagai jenis dan kesemuanya adalah sub chunk bagi chunk FORM AIFF. Local chunk yang paling biasa digunakan dan terdapat dalam semua fail AIFF adalah *Common chunk* dan juga *Sound data chunk*. Gambarajah dan jadual di bawah memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai struktur fail ini [23].

FORM AIFF

| | | | | | | | | | |
|-------------------------|------|-----------------|---|-----|------|-------|--|--|--|
| | | “ FORM ” | | | | | | | |
| | | 176516 | | | | | | | |
| | | “ AIFF ” | | | | | | | |
| Common chunk | | ckID | “ COMM ” | | | | | | |
| | | CkSize | 18 | | | | | | |
| | | NumOfChannels | 2 | | | | | | |
| | | NumSampleFrames | 88200 | | | | | | |
| | | SampleSize | 16 | | | | | | |
| | | SampleRate | 44100 | | | | | | |
| Sound data chunk | | ckID | “ SSND ” | | | | | | |
| | | CkSize | 176408 | | | | | | |
| | | offset | 0 | | | | | | |
| | | blockSize | 0 | | | | | | |
| | | soundData | <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Ch1</td> <td style="padding: 2px;">Ch 2</td> <td style="padding: 2px;">.....</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="height: 20px;"></td> </tr> </table> | Ch1 | Ch 2 | | | | |
| Ch1 | Ch 2 | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |

Rajah 2.4 : struktur chunk dalam fail AIFF

| Term | Keterangan |
|-----------------|---|
| ckID | <ul style="list-style-type: none"> - nilai yang tetap bagi setiap jenis chunk. - unik bagi setiap chunk |
| ckSize | <ul style="list-style-type: none"> - saiz bagi chunk tertentu - tidak termasuk 8 bytes yang digunakan oleh ckID dan ckSize |
| NumOfChannels | <ul style="list-style-type: none"> - jenis <i>channel</i> untuk data audio - 1 mewakili mono - 2 mewakili stereo - 4 mewwakili multi channel. |
| NumSampleFrames | <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada bilangan sampel frames dalam sound data chunk. |

| | |
|------------|--|
| SampleSize | <ul style="list-style-type: none"> - bilangan bit bagi setiap sample point. - mengambil mana-mana nilai dari 1 hingga 32 |
| SampleRate | <ul style="list-style-type: none"> - bilangan sampel frames yang dapat dimainkan dalam masa satu saat. |
| Offset | <ul style="list-style-type: none"> - tentukan di mana sampel frames pertama bermula |
| BlockSize | <ul style="list-style-type: none"> - digunakan bersama offset. |
| SoundData | <ul style="list-style-type: none"> - mengandungi sampel frames yang menghasilkan audio |


Jadual 2.2 : Penerangan mengenai struktur chunk dalam fail AIFF

2.3.1.3 Advance Systems Format (ASF)

Format ini merupakan salah satu format bagi fail Window Media dengan *extension* .asf. Fail ini menyimpan data-data audio dan video yang boleh dimampatkan dengan menggunakan pelbagai jenis *codec* [1,15,16,31,32]. Saiz failnya adalah lebih kecil berbanding MP3 kerana ciri-ciri pemampatan data yang lebih tinggi. Ia dikatakan mampu menyimpan data audio selama 30 minit dalam fail bersaiz 2MB dengan kelajuan 10kbps.[17]

Setiap fail ASF dibahagikan kepada beberapa seksyen yang dikenali sebagai objek. Terdapat tiga peringkat objek

yang utama seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah.[32]



Rajah 2.5 : Gambarajah format bagi fail ASF


a) Objek pengepala (*header object*)

Merupakan peringkat paling tinggi. Ia memuatkan maklumat-maklumat umum mengenai sesuatu fail. Ini termasuklah saiz fail, metod untuk pembetulan ralat dan juga jenis codec yang digunakan.

b) Objek data (*data object*)

Mengandungi aliran data yang berbentuk paket.

Data dalam setiap paket digabungkan ke dalam bentuk yang dikenali sebagai payload.



Rajah 2.6 : Gambarajah format bagi objek data dalam fail ASF

c) Objek indeks (*index object*)

Objek indeks ini mengandungi senarai nama paket serta nombor bagi setiap paket. Melalui senarai ini aplikasi boleh mengira nombor paket bagi menentukan paket mana yang bertanggungjawab untuk persembahan tertentu.

2.3.1.4 Wave

Fail jenis ini mempunyai extension “*.wav” dan biasa digunakan dalam sistem pengoperasian Windows [1,16,20,21,22,28,29,30,33]. Saiznya adalah sangat besar dan biasanya tidak digunakan dalam internet melainkan bagi program yang kecil sahaja iaitu tidak melebihi beberapa minit pada kadar 11 kHz, 16 bit [17].

Struktur fail ini menggunakan struktur RIFF (Resource Interchange File Format) yang juga memecahkan kandungan fail kepada satu struktur yang lebih kecil yang dipanggil chunk. Seperti fail AIFF, chunk juga merupakan binaan asas bagi struktur RIFF. Setiap chunk mempunyai header dan data sendiri. Header chunk mengenalpasti jenis dan saiz bagi bait-bait dalam chunk data. Sesetengah chunk pula mungkin mempunyai sub chunk [20,30,34].

Seperti fail AIFF, fail wave juga terdiri daripada satu chunk utama yang menggunakan ID “RIFF”. Chunk ini boleh terdiri daripada pelbagai jenis sub chunk yang lain. Subchunk yang mesti ada dalam sesebuah fail wave adalah subchunk format dan sub chunk data. Sub chunk format biasanya diletakkan sebelum sub chunk data.

2.3.1.5 Musical Instrument digital Interface (MIDI)

Fail jenis ini mempunyai extension “*.mid”. fail MIDI agak berbeza dengan fail jenis lain kerana ia merupakan multi platform dan hanya untuk muzik sahaja. Ianya bersifat fail instrumental dimana ia tidak mengandungi suara atau data audio yang sebenar. Ini menjadikan saiznya adalah kecil.[1,14,15,16,24,25,26,27]

Strukturnya hampir sama dengan struktur RIFF di mana ia juga membahagikan struktur fail ke dalam bentuk chunk. Terdapat 2 jenis chunk dalam struktur fail ini iaitu header chunks yang diwakili oleh perwakilan ASCII sebagai “MTrk”. Struktur bagi setiap chunk digambarkan dengan lebih terperinci dalam gambarajah di bawah.[20]

| Chunk Pengepala (<i>header Chunk</i>) | | | | |
|---|-----------------------------|------------------|----------|------------|
| Jenis <i>chunk</i> | Panjang | Panjang = 6 byte | | |
| 4 byte (ASCII) | 4 byte (32 bit binari) | 16 bit | 16 bit | 16 bit |
| MThd | <length> | <format> | <tracks> | <division> |

Rajah 2.7 : format Chunk Pengepala bagi fail MIDI

| Term | Keterangan |
|-------------|---|
| Jenis chunk | <ul style="list-style-type: none"> - mengandungi ID "MThd" - bersaiz 4 bait - menggunakan perwakilan ASCII |
| Panjang | <ul style="list-style-type: none"> - bersaiz 4 bait - perwakilan binary - mewakili saiz bagi chunk data |
| Data | <ul style="list-style-type: none"> - mengandungi 3 koleksi 16 bit data mengenai format, tracks dan division |
| <format> | <ul style="list-style-type: none"> - format bagi fail MIDI - terdapat 3 jenis format iaitu <ul style="list-style-type: none"> a) format = 0 sekiranya hanya ada satu single track. b) format = 1 sekiranya ada satu atau lebih track yang serentak di mana track pertama dikenali sebagai Tempo Map yang mengandungi semua jenis meta events |

c) format = 2 sekiranya ada satu atau lebih track boleh dimainkan secara berasingan

<tracks> - bilangan track chunk yang terdapat dalam fail

<division> - mengandungi pembahagian masa yang digunakan untuk menyahkodkan delta times bagi track event kepada masa nyata
- nilai ini diwakili oleh 2 format iaitu ticks per beat atau frames per second.

Jadual 2.3 : Penerangan mengenai struktur chunk pengepala dalam fail MIDI

| Track chunk | | |
|---------------------|-------------------------------|----------------------------------|
| Jenis | Panjang | Data |
| 4 byte (ASCII) | 4 byte (32 bit binari) | Panjang bytes (data binari) |
| MTrk | <length> | <delta time> <event>.... |

Rajah 2.8 : format chunk track bagi fail MIDI

| Term | Keterangan |
|--------------|---|
| | mengandungi ID “MTrk” |
| Jenis | <ul style="list-style-type: none"> - bersaiz 4 bait - guna perwakilan ASCII |
| Panjang | <ul style="list-style-type: none"> - bersaiz 4 bait -mewakili saiz semua track iaitu bergantung kepada bilangan bait yang digunakan dalam semua event |
| Data | <ul style="list-style-type: none"> - boleh mengandungi 1 atau lebih pasangan <delta_time><event> |
| <delta_time> | <ul style="list-style-type: none"> - menentukan masa sesuatu event perlu dimainkan bergantung kepada event terakhir dalam track tersebut |

-
- menentukan jujukan track dan bagaimana
 - <event> sesuatu track akan dimainkan
-

Jadual 2.4 : Penerangan mengenai struktur chunk Track

2.3.2 Perbandingan

Dalam membuat pemilihan format fail yang paling sesuai, perbandingan di buat dengan membandingkan beberapa ciri-ciri penting di antara setiap format fail yang berpotensi untuk digunakan. Terdapat tiga parameter utama untuk mendapatkan kualiti audio yang baik iaitu :

- a) Kadar persampelan (sampling rate)
- b) Bilangan bit per sampel
- c) Jenis channel yang digunakan.

Audio yang lebih berkualiti dikatakan mempunyai kadar persampelan yang tinggi, bilangan bit yang lebih besar dan juga menggunakan channel stereo.

| <i>Nama fail</i> | <i>Saiz</i> | <i>Jenis data</i> | <i>Kualiti</i> | <i>Persekutaran penggunaan</i> | <i>Ciri lain</i> |
|------------------|-------------|-----------------------------|-------------------|---|------------------|
| Wave | besar | data yang tidak di padatkan | sangat berkualiti | - windows - sesuai untuk pemproses intel | |


| Windows Media/ASF | Lebih kecil | Pemadatan yang tinggi | Baik pada nada rendah | Windows | Guna pelbagai codec |
|-------------------|------------------------------------|----------------------------|---|-----------------------|---|
| MIDI | kecil | data yang tidak dipadatkan | berkualiti | Multi platform | - Fail instrumental - perlu plug-in atau helper application untuk mainkan fail |
| MP3 | Saiz kecil (2 kali ganda dari ASF) | Data yang dipadatkan | Kualiti baik (kualiti kurang jika pemadatan terlalu tinggi) | Windows | Hadkan bunyi kepada 16 MegaHz untuk buang kebisingan. |
| AIFF | Besar | Data yang tidak dipadatkan | Berkualiti | Macintosh dan Windows | |

Jadual 2.5 : Perbandingan antara beberapa jenis format fail

2.3.3 Kesimpulan

Setelah membuat kajian dan perbandingan ke atas format fail yang ada, fail jenis wave dirasakan paling sesuai untuk digunakan dalam membangunkan projek ini. Fail jenis ini menyimpan data secara *least significant byte first*.

Secara amnya, binaan chunk header dan chunk track dalam fail wave digambarkan dalam rajah berikut[20,30]:



Rajah 2.9 : struktur chunk dalam fail Wave

Berdasarkan gambarajah di atas, chunk utama “RIFF” berjenis “WAVE” mempunyai 2 sub chunk yang lain iaitu sub chunk format yang diwakili oleh ID ”fmt” dan sub chunk data yang diwakili oleh ID ”data”.

a) Sub chunk format

Mengandungi maklumat mengenai bagaimana data disimpan dan bagaimana ia harus dimainkan. Ini

termasuklah jenis pemedatan yang digunakan, bilangan channel, kadar persampelan, bit per sampel dan sebagainya. Chunk ini menjelaskan format data yang disimpan dalam chunk data

b) Sub chunk data

Mengandungi data audio sebenar yang merupakan sampel-sampel data yang akan dinyahkodkan menggunakan format dan pemedatan yang dinyatakan dalam chunk format. Kebanyakan fail Wave mempunyai hanya satu chunk data. Gambarajah dan jadual berikut memberikan penerangan lebih terperinci mengenai format fail Wav.[34]

| Bait offset | | Saiz (bait) |
|-------------|----------------------|----------------------|
| 0 | ID Chunk | 4 |
| 4 | Saiz chunk | 4 |
| 8 | Format | 4 |
| 12 | ID bagi sub chunk | 4 |
| 16 | Saiz sub chunk | 4 |
| 20 | Format | 2 |
| 22 | Jenis channel | 2 |
| 24 | Kadar persampelan | 4 |
| 28 | Kadar bit | 4 |
| 32 | Block align | 2 |
| 34 | Kadar bit per sampel | 2 |
| 36 | ID bagi sub chunk 2 | 4 |
| 40 | Saiz sub chunk 2 | 4 |
| 44 | Data | Saiz sub chunk |

Rajah 2.10 : Gambaran terperinci struktur chunk dalam fail

Wave

| Term | Keterangan |
|-------------------|--|
| ID Chunk | <ul style="list-style-type: none"> - ID “ RIFF ” |
| Saiz Chunk | <ul style="list-style-type: none"> - maklumat saiz fail - nilai ini tidak termasuk saiz bagi pengepala iaitu 8 bit untuk ID chunk dan juga saiz chunk. |
| Format | <ul style="list-style-type: none"> - tentukan jenis fail RIFF - contohnya “ WAVE ” |
| ID sub chunk | <ul style="list-style-type: none"> - ID bagi sub chunk terlibat - contohnya “ fmt ” |
| Saiz sub chunk | <ul style="list-style-type: none"> - biasanya 16 bait dan bait tambahan |
| Format | <ul style="list-style-type: none"> - tentukan jenis pemandangan yang digunakan berdasarkan kod tertentu. |
| Jenis channel | <ul style="list-style-type: none"> - Tentukan bilangan isyarat audio yang dikodkan kedalam chunk data - 1 sekiranya isyarat mono - 2 untuk isyarat stereo |
| Kadar persampelan | <ul style="list-style-type: none"> - bilangan sampel yang dimainkan dalam masa satu saat - tidak dipengaruhi oleh jenis channel |
| Kadar bit | <ul style="list-style-type: none"> - bilangan data Wave yang melalui D?A converter dalam masa satu saat untuk memainkan fail Wave |
| Blok align | <ul style="list-style-type: none"> - bilangan bait per sampel |
| Bit per sampel | <ul style="list-style-type: none"> - nilai untuk spesifikasikan bilangan bit yang digunakan untuk mencari setiap sampel - biasanya merupakan kumpulan 8 bit. |
| ID sub chunk 2 | <ul style="list-style-type: none"> - ID bagi sub chunk - contohnya “data” |
| Saiz sub chunk 2 | <ul style="list-style-type: none"> - bilangan bait data |
| Data | <ul style="list-style-type: none"> - mengandungi data audio sebenar |

Jadual 2.6 : penerangan struktur chunk dalam fail Wave

2.3.4 Faktor Pemilihan

Terdapat beberapa faktor mengeapa fail jenis Wave dirasakan paling sesuai untuk digunakan dalam projek ini. Ini termasuklah :

- a) Kualiti yang baik

Walaupun fail ini bersaiz besar tetapi kualitinya sangat baik. Memandangkan saiz fail yang akan dibentuk dalam projek ini adalah kecil jadi faktor saiznya yang besar bukanlah satu penghalang untuk memilih menggunakan fail jenis ini.

- b) Data yang tidak dipadatkan

Pemadatan yang dilakukan ke atas data biasanya sedikit sebanyak akan menjaskankan kualiti data sebenar. Dalam projek ini keaslian data adalah sangat penting bagi memastikan proses analisis mendapat hasil yang tepat.

- c) Persekutaran teknologi yang sesuai

Fail ini bukan sahaja di sokong oleh sistem pengoperasian yang bakal digunakan dalam projek ini malah juga sesuai untuk digunakan dalam persekitaran pemproses Intel.

- d) Menjadi pilihan kebanyakan pembangun projek dan sering kali digunakan untuk membangunkan projek yang berasaskan pengecaman suara (*voice recognition*)

KAJIAN PERALATAN ATAU TEKNIK YANG DIGUNAKAN.

2.4.1 Wavelet

Sebelum kemunculan Wavelet, analisa ke atas isyarat gelombang biasanya dilakukan dengan menggunakan Siri Fourier khususnya Penganalisa Fourier Masa Pendek (PFMP). PFMP ini membahagikan isyarat menggunakan tetingkap dan seterusnya mengira pekali fourier. Pekali fourier ini dipengaruhi oleh kedudukan tetingkap dan juga frekuensi yang ada pada pekali-pekali tersebut. Jika frekuensinya tinggi maka masa yang ada adalah singkat.

Kaedah PFMP ini mempunyai dua kelemahan utama iaitu[3, 7]:

- a) Memberikan maklumat frekuensi iaitu berapa banyak sesuatu frekuensi itu wujud dalam sesuatu isyarat tetapi tidak menyatakan apakah frekuensi yang wujud dalam masa tertentu.
- b) Keadah ini hanya mampu menganalisa isyarat yang berkala sahaja.

[7] Wavelet adalah satu teknik atau kaedah yang muncul akibat daripada kelemahan Siri Fourier. Ia menggunakan kaedah pemotongan isyarat dengan membahagikan isyarat kepada beberapa bahagian kecil dan seterusnya menganalisa isyarat secara tidak bersandar.

Kaedah Wavelet yang menggunakan penganalisa wavelet ini secara ringkasnya dapat digambarkan melalui persamaan berikut:

$$\Phi_{(sl)}(x) = 2^{-s/2} \Phi(2^{-s}x - l) \quad (1)$$

Fungsi ini merupakan fungsi rekursif di mana s dan l mewakili pekali untuk penskaJaan dan translasi.

Untuk menguji pelbagai resolusi, penganalisa wavelet digunakan dalam fungsi penskalaan seperti di bawah:

$$W(x) = \sum_{k=1}^{N-2} (-1)^k C_{k+1} \Phi(2x + k) \quad (2)$$

Di mana $W(x)$ merupakan ftmgsi penskalaan bagi penganalisa wavelet, Φ dan C_k adalah merupakan pekali wavelet. Ini mesti menepati syarat linear dan kuadratik iaitu:

$$W(x) = \sum_{k=0}^{N-2} C_k = 2 \quad (3)$$

$$W(x) = \sum_{k=0}^{N-2} C_k C_{k+2l} = 2\delta_{l,0} \quad (4)$$

2.3.1.1 Penukarganti Diskrit Wavelet

Penukarganti Diskrit Wavelet (PDW) adalah merupakan satu cara pemprosesan isyarat yang menggunakan kaedah penskalaan dan translasi yang dilakukan terhadap penganalisa wavelet.


Di dalam konteks PDW penganalisa wavelet yang digunakan mestilah berbentuk diskrit seperti yang ditunjukkan di bawah:

$$\phi(x) = \sum_{k=0}^{M-1} c_k \phi(2x - k) \quad (5)$$

Di mana julat penambahan ditentukan oleh nilai positif M. Pekali c mempakan tertib wavelet tersebut. Syarat-syarat pekali adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam persamaan (2) dan (3).

2.3.1.2 Algoritma Piramid

